

# Sektor awam, swasta dialu- alukan bantu sektor kesihatan

UB 13.3.2014 A2

Oleh JOHN TAMBANAN

**KOTA KINABALU:** Kerajaan sentiasa mengalu-alukan kerjasama di antara sektor awam dan swasta dalam membantu sektor kesihatan dari segi penghasilan tenaga kerja dan meningkatkan taraf kesihatan penduduk di negeri ini.

Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Datuk Stephen Wong Tien Fatt memberi contoh kerjasama sektor kesihatan yang dimeterai Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dan Health4U Solutions Sdn Bhd.

“Kerjasama ini juga dapat membantu sektor pendidikan terutamanya pelajar prasiswazah dan pascasiswazah dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS dalam menyediakan tempat latihan dan penyelidikan yang kondusif dan secara ‘hands-on’ kepada pesakit sebagai persediaan pelajar kepada dunia pekerjaan yang sebenar.

“Di samping penyelidikan yang dijalankan membolehkan kita meneroka dan menangani penyakit baharu yang muncul di afah ini, selain mempertingkatkan penjagaan kesihatan masyarakat di Sabah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyaksikan majlis mendatangi memorandum perjanjian (MoA) antara Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, serta majlis menandatangani



**STEPHEN** (tengah) menyaksikan majlis pertukaran dokumen MoA yang telah dimeterai bersama antara Kamarudin (kiri) mewakili Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS, dan Christina mewakili JKNS.

memorandum persefahaman (MoU) antara Hospital UMS (HUMS) dengan Health4U Solutions Sdn Bhd, bertempat di Magellan Sutera Harbour Resort, di sini pada Selasa.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin mewakili UMS manakala JKNS diwakili Pengarahnya Datuk Christina Rundi dan Health4u Solution diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Chevy Beh. Majlis itu turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Datuk KY Mustafa.

Stephen berkata, majlis Mou dan MoA itu akan membuka satu lagi lembaran baharu dalam penggunaan teknologi maklumat di era Revolusi Industri 4.0 atau IR 4.0 agar rakyat Sabah dapat terus bergerak ke

hadapan dalam dunia tanpa sempadan ini.

“Sebagai rakyat Sabah, kita seharusnya berbangga dengan pembinaan hospital pengajar iaitu Hospital UMS atau HUMS, yang sedang dalam pembinaan dan apabila siap nanti, ia akan menjadi salah satu bangunan pintar dan mengguna pakai ciri-ciri teknologi terkini,” katanya.

Stephen berkata, kerajaan negeri amat berterima kasih kepada Health4u Solution yang sedia menjadi rakan strategik dalam bidang itu dan berharap kerjasama itu akan berterusan pada masa depan.

Di majlis itu, Stephen turut menyempurnakan pelancaran Smart HUMS Go-Live: Clinic Information System.